

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA (SUNGAI BULOH)

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes permohonan oleh kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan (stateless) yang telah dianak angkat oleh ibu bapa kewarganegaraan Malaysia. Apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga-keluarga sebegini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 4,612 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi anak angkat kepada pasangan warganegara Malaysia telah diterima.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengangkatan tidak membawa maksud pemerolehan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Ibu bapa angkat yang sah boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan sebelum anak angkat berumur 21 tahun dan ke atas, tertakluk kepada pematuhan syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak dan peraturan imigresen.

Dalam memastikan permohonan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan diproses dengan lebih sistematik dan berkesan, Kementerian telah menambahbaik Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan **tempoh pemprosesan yang lebih singkat** bagi **permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020**.